



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**GARIS PANDUAN
PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI, SUKAN
DAN KOKURIKULUM (PAJSK)**

**SEKOLAH RENDAH
TAHUN 4 – 6**

**SEKOLAH MENENGAH
TINGKATAN 1 – 5
SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)**

PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI, SUKAN DAN KOKURIKULUM (PAJSK)

DEFINISI

PAJSK adalah sebagai panduan untuk menilai aktiviti fizikal dan status kecergasan serta mengukur penyertaan, pelibatan dan pencapaian murid dalam pelbagai aktiviti sukan, kokurikulum dan ekstra kurikulum. PAJSK memerlukan murid melibatkan diri dalam aktiviti bukan akademik sama ada di dalam atau di luar bilik darjah mengikut keupayaan murid. PAJSK dibangunkan untuk melengkapi sistem pentaksiran pendidikan di Malaysia supaya lebih holistik dan bersepadu. Hal tersebut sejajar dengan konsep Satu Murid Satu Sukan (1M1S), pembangunan modal insan dan perkembangan potensi murid dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) seperti yang dihasratkan di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

KOMPONEN PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI, SUKAN DAN KOKURIKULUM

PAJSK merangkumi tiga komponen; SEGAK dan BMI 5-9T, Kokurikulum dan Ekstra Kurikulum seperti dalam rajah berikut:



1. KEGIATAN KOKURIKULUM

Kegiatan Kokurikulum Sekolah merangkumi tiga aktiviti utama iaitu **Kelab/ Persatuan, Pasukan Badan Beruniform dan Sukan/ Permainan**. Penyertaan dalam ketiga-tiga kegiatan ini merupakan sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah seperti termaktub dalam **Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997**, berkuatkuasa 1 Januari 1998 (**Akta Pendidikan 1996 – Seksyen 18 dan 30**). Kepentingan aktiviti ini juga setara dengan aktiviti kurikulum dalam bilik darjah kerana peranannya sebagai penyumbang dan pelengkap kepada pengajaran dan pembelajaran murid serta pembentukan modal insan (murid) secara menyeluruh yang meliputi aspek kognitif, afektif dan psikomotor.

2. RASIONAL

Pentaksiran kegiatan kokurikulum yang dibuat oleh sekolah didapati berbeza-beza antara satu sama lain. Keadaan ini menjelaskan wujudnya unsur-unsur ketidaksamarataan dalam pemberian markah kepada murid. Kemungkinan ada murid memperoleh markah yang berbeza walaupun pencapaian dalam kegiatan kokurikulum adalah sama. Melalui pendekatan ini, penggunaan borang dan cara **pentaksiran** yang **standard** membolehkan unsur-unsur ketidakadilan dalam pemberian markah boleh dihindari.

3. OBJEKTIF

- 3.1 Menyediakan satu kaedah pentaksiran aktiviti kokurikulum yang *standard* dan boleh diterima pakai oleh semua sekolah.
- 3.2 Membantu dalam membuat penilaian kemasukan murid ke sekolah khusus.
- 3.3 Membantu Jabatan Pengurusan, Institusi Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi dalam membuat penilaian kemasukan pelajar-pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)/ Universiti Awam (UA).
- 3.4 Menggalak dan meningkatkan pelibatan yang menyeluruh dalam kalangan murid.

4. KONSEP PENTAKSIRAN

- 4.1 Bagi menentukan murid sentiasa cergas dan bergiat aktif dalam kegiatan kokurikulum, penilaian kokurikulum dilakukan pada setiap tahun sepanjang persekolahannya.
- 4.2 Keputusan pentaksiran adalah dalam bentuk **Prestasi Tahun Semasa (Grade Point Average)** dan **Himpunan Prestasi** sepanjang tempoh persekolahan (**Cumulative Grade Point Average**). Tempoh pentaksiran adalah berdasarkan kepada sesi akademik tahun semasa.
- 4.3 Bagi murid berkeperluan khas (**MBK**) keputusan pentaksiran adalah dalam bentuk **Prestasi Tahun Semasa (Grade Point Average)** dan prestasi terbaik sepanjang tempoh persekolahan diambil kira.
- 4.4 Pentaksiran direkod melalui Sistem Pengurusan Pentaksiran Bersepadu (SPPB) PAJSK.
- 4.5 Murid sakit kronik/ sakit berpanjangan perlu mendapatkan pengesahan doktor dan boleh dikecualikan daripada menjalankan aktiviti kokurikulum dan tidak akan ditaksir. Status murid ini ditanda sebagai TL (Tidak Laksana).
- 4.6 Pihak sekolah **wajib memuat turun slip pelaporan PAJSK** bagi semua murid yang ditaksir pada sesi akademik tahun semasa. Kaedah penyimpanan slip yang dimuat turun boleh disimpan secara salinan lembut (*soft copy*) atau salinan keras (*hard copy*). Slip pelaporan PAJSK perlu diberikan kepada semua murid mengikut ketetapan Panduan Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).
- 4.7 Pihak sekolah perlu membuat semakan markah bersama murid atau ibu bapa/ penjaga sebelum membuat pengesahan di dalam sistem PAJSK.
- 4.8 Sekiranya terdapat pindaan markah pada tahun pentaksiran semasa setelah sistem ditutup, pihak sekolah perlu mengemukakan permohonan rasmi secara bertulis kepada Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Jabatan Pendidikan Negeri dan disertakan bersama borang RUMUS1-KP, RUMUS2-PBB, RUMUS3-SP, dan Borang Rumusan Ekstra Kurikulum sesi akademik semasa yang hendak dipinda bersama salinan sijil sebagai bukti selewat-lewatnya 15 hari selepas tempoh pengisian selesai.

PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI, SUKAN DAN KOKURIKULUM (PAJSK)

PANDUAN PEMARKAHAN

FORMAT PAJSK

Terbahagi kepada tiga komponen.

JADUAL 1:
KOMPONEN PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI, SUKAN DAN KOKURIKULUM (PAJSK)

BAHAGIAN	KOMPONEN
1	SEGAK
2	Kokurikulum: -Kelab/ Persatuan -Unit Beruniform -Sukan/ Permainan
3	Ekstra Kurikulum

1. SEGAK

Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan Untuk Murid Sekolah Malaysia (SEGAK) adalah satu bateri ujian standard kecergasan fizikal bagi mengukur tahap kecergasan fizikal murid berdasarkan kesihatan. Komponen kecergasan dalam SEGAK terkandung dalam kurikulum Pendidikan Jasmani sekolah rendah dan sekolah menengah. Ujian SEGAK ditaksir dalam SPPB-SEGAK & BMI 5-9T.

2. KOKURIKULUM

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 Mei 2005 telah memutuskan, setiap murid wajib mengikuti tiga aktiviti kokurikulum seperti berikut:

- i. Kelab dan Persatuan;
- ii. Pasukan Badan Beruniform; dan
- iii. Sukan dan Permainan.

Mesyuarat juga menetapkan syarat merit 10 peratus markah kokurikulum bagi kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Universiti Awam (UA). Bagi tujuan pentaksiran hanya **dua markah tertinggi sahaja** yang diambil kira daripada tiga aspek utama yang melibatkan enam (6) elemen.

3. ASPEK PENTAKSIRAN

Pentaksiran Kokurikulum di sekolah meliputi tiga aspek utama seperti berikut:

- i. Pelibatan;
- ii. Penyertaan; dan
- iii. Prestasi.

Semua aktiviti yang disertai murid akan direkod bagi menggalakkan murid untuk mendapat skor yang setimpal bagi pelibatan dalam aktiviti berkenaan. Hanya **markah yang tertinggi** sahaja daripada setiap sub-komponen kokurikulum diambil kira untuk tujuan pentaksiran. Pentaksiran tersebut adalah berdasarkan enam (6) elemen seperti berikut:

**JADUAL 2:
ASPEK AKTIVITI KOKURIKULUM DAN SUKAN**

I. KELAB DAN PERSATUAN: 110 MARKAH					
Pelibatan (50 markah)				Penyertaan (40 markah)	Prestasi (20 markah)
Jawatan	Penyertaan	Komitmen	Khidmat Sumbangan	Kehadiran	Pencapaian
10	20	10	10	40	20
II. PASUKAN BADAN BERUNIFORM: 110 MARKAH					
Pelibatan (50 markah)				Penyertaan (40 markah)	Prestasi (20 markah)
Jawatan	Penyertaan	Komitmen	Khidmat Sumbangan	Kehadiran	Pencapaian
10	20	10	10	40	20
III. SUKAN DAN PERMAINAN: 110 MARKAH					
Pelibatan (50 markah)				Penyertaan (40 markah)	Prestasi (20 markah)
Jawatan	Penyertaan	Komitmen	Khidmat Sumbangan	Kehadiran	Pencapaian
10	20	10	10	40	20

3.1 Jawatan (10 markah)

Markah diberikan kepada individu yang memegang sesuatu jawatan yang tertinggi dalam kegiatan kokurikulum **aktiviti utama** di sekolah (aktiviti tambahan tidak diberi markah bagi jawatan yang disandang). Walau bagaimanapun, ahli-ahli biasa dan jawatan-jawatan yang lain juga diperuntukkan markah mengikut jenis jawatan yang disandang. Agihan markah seperti berikut:

**JADUAL 3:
SKOR PELIBATAN PERJAWATAN
DALAM KELAB DAN PERSATUAN, SUKAN DAN PERMAINAN SERTA
PASUKAN BADAN BERUNIFORM**

ELEMEN JAWATAN Kelab dan Persatuan / Sukan dan Permainan / Pasukan Badan Beruniform	JAWATAN	SKOR
	Pengerusi / Kapten Pasukan / Ketua Rumah	10
	Naib Pengerusi / Penolong Ketua Rumah / Penolong Kapten	8
	Setiausaha / Bendahari	7
	Penolong Setiausaha / Penolong Bendahari	6
	Ahli Jawatankuasa	5
	Ahli Aktif	4
	Ahli biasa	2

**JADUAL 3A:
SKOR PERJAWATAN
PASUKAN UNIT BERUNIFORM ANJURAN JABATAN/AGENSI/KERAJAAN**

KADET REMAJA SEKOLAH (SEKOLAH MENENGAH)	JAWATAN	MARKAH
	Pegawai Waran KRS I & II	10
	Staf Sarjan KRS	8
	Sarjan KRS	7
	Koperal KRS	6
	Lans Koperal KRS	5

JADUAL 3B:

TUNAS KADET REMAJA SEKOLAH (SEKOLAH RENDAH)	JAWATAN		MARKAH
	Sarjan TKRS		10
	Koperal TKRS		8
	Lans Koperal TKRS		7

JADUAL 3C:

JAWATAN			MARKAH
PKBM DARAT	PKBM LAUT	PKBM UDARA	
Waran II	Waran II	Waran II	10
Staf Sarjan	Bintara Kanan	Flight Sarjan	8
Sarjan	Bintara Muda	Sarjan Udara	7
Koperal	Laskar Kanan	Koperal Udara	6
Lans Koperal	Laskar Muda	Lans Koperal	5

JADUAL 3D:

JAWATAN			MARKAH
KOR KADET POLIS	KADET BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	BOMBA JUNIOR	
Sub Inspektor	Pegawai Kadet	Ketua Bomba Junior	10
Sarjan Mejar	Staff Sarjan	Penolong Ketua Bomba Junior	8
Sarjan	Sarjan	Ketua Pasukan	7
Koperal	Koperal		6
Lans Koperal	Lans Koperal		5

JADUAL 3E:

JAWATAN		MARKAH
KADET SEKOLAH PERTAHANAN AWAM	TUNAS PERTAHANAN AWAM MALAYSIA	
Pegawai Kanan Kadet	Sarjan	10
Pegawai Waran Kadet	Koperal	8
Sarjan Kadet	Lans Koperal	7
Koperal Kadet		6
Lans Koperal Kadet		5

JADUAL 3F:

JAWATAN		MARKAH
PENGAKAP (SEKOLAH MENENGAH)	PENGAKAP (SEKOLAH RENDAH)	
Ketua Trup	Ketua Pek	10
Penolong Ketua Trup	Penolong Ketua Pek	8
Ketua Patrol	Ketua Sekawan	7
Penolong Ketua Patrol	Penolong Ketua Sekawan	6
Kuartermaster	Kuartermaster	5

JADUAL 3G:

JAWATAN		MARKAH
PERSATUAN PANDU PUTERI MALAYSIA	PERGERAKAN PUTERI ISLAM MALAYSIA	
Pengerusi	Mega Puteri	10
Naib Pengerusi	Puteri Megasari	8
Setiausaha/ Bendahari	Puteri Bistaria	7
Naib Setiausaha/ Naib Bendahari	Puteri Kejora	6
	Puteri Saujana/ Ketua Pasukan	5
	Puteri Mestika	4

JADUAL 3H:

JAWATAN		MARKAH
BRIGED PUTERA MALAYSIA	BRIGED PUTERI MALAYSIA	
Pengerusi	Pengerusi	10
Naib Pengerusi	Naib Pengerusi	8
Setiausaha/ Bendahari	Setiausaha/ Bendahari	7
Penolong Setiausaha/ Penolong Bendahari	Penolong Setiausaha/ Penolong Bendahari	6
Ahli Jawatankuasa	Ahli Jawatankuasa	5

JADUAL 3I:

JAWATAN			MARKAH
BULAN SABIT MERAH MALAYSIA	ST. JOHN AMBULAN MALAYSIA (SEKOLAH MENENGAH)	ST. JOHN AMBULAN MALAYSIA (SEKOLAH RENDAH)	
Ketua Seksyen Utama/ Pengerusi	Sarjan Dewasa/ Ketua Kadet	Pengerusi	10
Penolong Ketua Seksyen/ Timbalan Pengerusi	Koperal Dewasa / Sarjan Kadet	Naib Pengerusi	8
Ketua Platun	Lans Koperal Dewasa/ Koperal Kadet	Setiausaha/ Bendahari	7
Penolong Ketua Platun	Lans Koperal Kadet	Penolong Setiausaha / Penolong Bendahari	6

JADUAL 3J:

JAWATAN			MARKAH
BRIGED PUTERI	JOYFUL VANGUARD	RIMAP MALAYSIA	
Pengerusi	Pengerusi	Pengerusi	10
Naib Pengerusi	Naib Pengerusi	Naib Pengerusi	8
Setiausaha/ Bendahari	Setiausaha/ Bendahari	Setiausaha/ Bendahari	7
Penolong Setiausaha/ Bendahari	Penolong Setiausaha/ Bendahari	Penolong Setiausaha/ Bendahari	6
Ahli Jawatankuasa	Ahli Jawatankuasa	Ahli Jawatankuasa	5

JADUAL 3K:

PANCARAGAM BRASS (BRASS BAND)	JAWATAN	MARKAH
	Drum Major	10
	Ketua Seksyen	8
	Penolong Ketua Seksyen	7
	Penolong Setiausaha / Penolong Bendahari/ Kuartermaster	6
	Ahli Jawatankuasa	5

JADUAL 4:

**MARKAH BAGI ASPEK PELIBATAN - ELEMEN PERJAWATAN
DALAM SUKAN DAN PERMAINAN (SENI BELA DIRI)**

JAWATAN	MARKAH
Bengkung Merah/ Tali Pinggang Hitam	10
Bengkung Hijau 3/ Tali Pinggang Merah 2	8
Bengkung Hijau 2/ Tali Pinggang Merah 1	7
Bengkung Hijau 1/ Tali Pinggang Biru 2	6
Cula 3/ Tali Pinggang Biru 1	5
Class 3/ Cula 2/ Tali Pinggang Hijau	4
Tali Pinggang Kuning	2

Catatan:

- i. Bagi perjawatan dalam kelab dan persatuan, pasukan badan beruniform serta sukan dan permainan, jawatan disandang sekurang-kurangnya **tujuh bulan** secara berterusan dan diluluskan dalam Mesyuarat Agung.
- ii. Bagi jawatankuasa tertinggi (pengerusi, ketua rumah, naib pengerusi, bendahari dan setiausaha) hanya boleh disandang oleh seorang murid sahaja untuk setiap jawatan pada sesi akademik semasa kecuali murid tersebut bertukar sekolah, diberhentikan/ dikenakan tindakan disiplin.
- iii. Pangkat yang disandang dalam sukan dan permainan (seni bela diri diberi markah tanpa mengira tempoh pangkat disandang.
- iv. **Ahli aktif** merujuk kepada bilangan kehadiran murid sekurang – kurangnya enam kali atau 50% dalam perjumpaan mingguan kokurikulum.
- v. Mana-mana pasukan seni bela diri yang tiada dalam senarai perjawatan, markah boleh diberi mengikut tahap yang setara dalam jadual di atas.

3.2 Peringkat Pelibatan (20 markah)

Markah diberikan kepada semua ahli berdasarkan sumbangan dan komitmen dalam semua aktiviti yang dijalankan dan tahap penyertaan yang disertai. Markah pelibatan bagi individu dan ahli pasukan atau pasukan adalah sama. Markah pelibatan dalam **aktiviti utama** dan **aktiviti tambahan** yang tertinggi direkodkan di dalam sistem dan markah tertinggi akan diambil kira bagi pemarkahan kokurikulum. Terdapat tiga jenis tahap pelibatan seperti keterangan berikut:

**JADUAL 5:
JENIS PELIBATAN**

JENIS	TAFSIRAN
Pelibatan I	<ul style="list-style-type: none">i. Program pertandingan / kejohanan / perkhemahan / kursus secara bersemuka dan mempunyai pemeringkatan.ii. Program pertandingan / kejohanan / perkhemahan / kursus secara dalam talian dan mempunyai pemeringkatan serta interaksi secara langsung.
Pelibatan II	<ul style="list-style-type: none">i. Program pertandingan/ kejohanan/ perkhemahan/ kursus/ karnival secara bersemuka atau dalam talian dan tiada pemeringkatan.ii. Jawatankuasa pelaksana, petugas teknikal dan persembahan selingan.iii. Peserta lawatan luar negara
Pelibatan III	<ul style="list-style-type: none">i. Peserta program dalam talian yang bersifat pertandingan atau bukan pertandingan seperti program/ aktiviti yang tiada interaksi peserta secara langsung.ii. Pelibatan murid sebagai penyokong atau penonton

**JADUAL 6:
MARKAH PELIBATAN**

PERINGKAT	MARKAH		
	Pelibatan I	Pelibatan II	Pelibatan III
Antarabangsa	20	15	10
Kebangsaan	17	12	8
Negeri	14	10	6
Bahagian (Sabah/ Sarawak)	12	9	5
Zon/ Daerah	11	8	4

Catatan:

Pelibatan peringkat sekolah ditaksir pada sub komponen **Khidmat Sumbangan**.

3.2.1 Komitmen (10 markah)

Komitmen dinilai atau ditaksir daripada 13 aspek dalam pengamatan dan pemerhatian guru penasihat. Penumpuan pemerhatian guru meliputi aspek berkaitan kepemimpinan, sikap dan kesungguhan seseorang murid semasa melaksanakan aktiviti. Guru hanya boleh memilih empat (4) aspek (maksimum) daripada 13 pilihan yang diberi dengan wajaran markah seperti disenaraikan. Markah ini hanya diberikan kepada **aktiviti utama** sahaja.

**JADUAL 7:
MARKAH ELEMEN KOMITMEN**

ELEMEN	PERKARA	MARKAH
KOMITMEN	Menunjukkan kepemimpinan	3
	Mengurus aktiviti	3
	Membantu guru atau rakan	2
	Menyedia peralatan	2
	Mengemas peralatan	2
	Membersih kawasan	2
	Menepati waktu	2
	Menunjukkan minat	2
	Menunjukkan kesungguhan	2
	Mengikut arahan	2
	Mencuba	2
	Memberi kerjasama	2
	Mana-mana nilai murni yang boleh diperhatikan	2

3.2.2 Khidmat Sumbangan (10 markah)

Dalam aspek ini markah diberikan kepada murid berdasarkan pelibatan dan sumbangan dalam aktiviti atau program **di peringkat sekolah**. Markah ini hanya diberikan kepada **aktiviti utama** sahaja. Empat aspek yang dinilai meliputi perkara-perkara seperti berikut:

**JADUAL 8:
MARKAH ELEMEN KHIDMAT SUMBANGAN**

ELEMEN	PERKARA	MARKAH
Khidmat Sumbangan (Peringkat Sekolah)	<u>ATLET/ PESERTA:</u> Murid yang didaftarkan sebagai atlet atau peserta dalam program / pertandingan / karnival / kursus.	10
	<u>KEMAHIRAN KHUSUS:</u> Pelibatan murid dalam aktiviti berkaitan aspek teknikal seperti pengadil, jurulatih pasukan dan lain-lain.	10
	<u>JAWATANKUASA:</u> Pelibatan murid yang terlibat dalam aktiviti sebagai ahli jawatankuasa program / pertandingan / karnival / kursus.	8
	<u>SOKONGAN:</u> Pelibatan murid yang bersifat meramaikan program/ pertandingan / karnival / kursus.	5

Catatan:

Khidmat sumbangan murid perlu disertakan dengan bukti seperti sijil, surat lantikan, kehadiran atau yang setara.

3.2.3 Kehadiran (40 markah)

Aspek kehadiran memberikan markah tertinggi dalam pentaksiran bertujuan untuk menggalakkan murid hadir setiap perjumpaan yang ditetapkan. Bilangan perjumpaan hendaklah tidak kurang daripada 12 kali setahun.

JADUAL 9:
PERUNTUKAN WAKTU KEGIATAN KOKURIKULUM SEKOLAH RENDAH DAN
MENENGAH (SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL.2/2007)

Sekolah Rendah (Tahun 3 & 4)	
Kelab dan Persatuan	12 kali perjumpaan setahun X 60 minit seminggu = 12 jam
Pasukan Badan Beruniform	12 kali perjumpaan setahun X 60 minit seminggu = 12 jam
Sukan dan Permainan	12 kali perjumpaan setahun X 60 minit seminggu = 12 jam
Sekolah Rendah (Tahun 5 & 6)	
Kelab dan Persatuan	12 kali perjumpaan setahun X 120 minit seminggu = 24 jam
Pasukan Badan Beruniform	12 kali perjumpaan setahun X 120 minit seminggu = 24 jam
Sukan dan Permainan	12 kali perjumpaan setahun X 120 minit seminggu = 24 jam
Sekolah Menengah (Jurusan Teknik dan Vokasional)	
Kelab dan Persatuan	12 kali perjumpaan setahun X 120 minit seminggu = 24 jam
Pasukan Badan Beruniform	12 kali perjumpaan setahun X 120 minit seminggu = 24 jam
Sukan dan Permainan	12 kali perjumpaan setahun X 120 minit seminggu = 24 jam
Sekolah Menengah (Sekolah Menengah Harian, Sekolah Berasrama Penuh, Sekolah Menengah Agama dan lain-lain)	
Kelab dan Persatuan	12 kali perjumpaan setahun X 180 minit seminggu = 36 jam
Pasukan Badan Beruniform	12 kali perjumpaan setahun X 180 minit seminggu = 36 jam
Sukan dan Permainan	12 kali perjumpaan setahun X 180 minit seminggu = 36 jam

JADUAL 10:
MARKAH ELEMEN KEHADIRAN
KELAB DAN PERSATUAN, PASUKAN BADAN BERUNIFORM DAN SUKAN DAN PERMAINAN

ELEMEN	BILANGAN	MARKAH	BILANGAN	MARKAH
KEHADIRAN	1	3.33	7	23.33
	2	6.67	8	26.67
	3	10	9	30
	4	13.33	10	33.33
	5	16.67	11	36.67
	6	20	12	40

Catatan:

1. Kehadiran dalam kokurikulum dikira **HADIR** jika murid menyertai kegiatan kokurikulum yang lain dengan kelulusan sekolah.

JADUAL 11:
AKTIVITI YANG BOLEH DIKIRA SEBAGAI PERJUMPAAN KOKURIKULUM

Komponen Kokurikulum	Aktiviti
Kelab dan Persatuan	Hari Kokurikulum/ Hari Kantin/ Hari Koperasi/ Hari Usahawan
Pasukan Badan Beruniform	Perkhemahan Bersepadu Pasukan Badan Beruniform
Sukan dan Permainan	Merentas Desa Sekolah
	Sukantara Sekolah

Catatan: **Pelaksanaan aktiviti berikut boleh dikira sebagai satu (1) perjumpaan.**

3.2.4 Pencapaian (20 markah)

Markah diberikan berdasarkan pencapaian murid dalam pertandingan yang dilaksanakan di semua peringkat. Pencapaian yang ditaksir hanyalah kepada kedudukan johan, naib johan, ketiga, keempat dan kelima. Markah pencapaian dalam **aktiviti utama** dan **aktiviti tambahan** yang tertinggi direkodkan di dalam sistem dan markah tertinggi akan diambil kira bagi pemarkahan kokurikulum.

**JADUAL 12:
MARKAH PENCAPAIAN**

PERINGKAT	MARKAH				
	Johan	Naib Johan	Ketiga	Keempat	Kelima
Antarabangsa	20	19	18	17	16
Kebangsaan	17	16	15	14	13
Negeri/Bahagian	14	13	12	11	10
Zon/ Daerah	11	10	9	8	7
Sekolah	8	7	6	5	4

Catatan:

- i. **Pencapaian Bahagian (Sabah/ Sarawak)** adalah di peringkat negeri
- ii. **Anugerah platinum, emas, perak, gangsa dan lain-lain** yang diberikan di dalam program/ pertandingan seperti program **STEM** dan **kesenian** adalah tahap penguasaan murid dan **tidak dikira** dalam pemarkahan bagi tahap pencapaian (kecuali dengan tafsiran johan, naib johan, ketiga, keempat dan kelima).
- iii. Bagi pertandingan/ kejohanan sukan **hanya** pencapaian utama yang membawa maksud johan, naib johan, ketiga, keempat dan kelima sahaja yang diambil kira. Sebagai contoh pertandingan/ kejohanan yang menggunakan istilah pencapaian *Cup, Plate, Bowl* dan seumpamanya hanya pencapaian *Cup* sahaja yang diambil kira dalam pemarkahan.

3.3 Ekstra Kurikulum (10 markah)

Ekstra kurikulum merupakan satu kegiatan sukarela atau sumbangan yang bermanfaat pada atau di luar waktu persekolahan, ke arah pembentukan peribadi yang terpuji. Markah yang diperoleh daripada bidang ini akan dicampurkan dengan markah tertinggi purata **2 daripada 3 aktiviti** kokurikulum sama ada Kelab dan Persatuan, Pasukan Badan Beruniform atau Sukan dan Permainan. Hanya **markah tertinggi sahaja** yang diambil daripada salah satu **enam (6)** elemen seperti berikut:

3.3.1 Perkhidmatan

Elemen jawatan yang disandang oleh murid dalam kelab dan persatuan bukan kokurikulum yang melibatkan perkhidmatan bagi tujuan membantu pengurusan dan pentadbiran sekolah. Jawatan ini melibatkan pelantikan berdasarkan ciri-ciri kepimpinan seseorang individu. Huraian seperti berikut:

JADUAL 13:

ELEMEN	PERKARA	MARKAH
PERKHIDMATAN <u>Bukti Pelibatan</u> Sijil/ Surat/ Watikah Pelantikan	Ketua Murid	10
	Timbalan/ Penolong Ketua Murid	8
	Badan-badan Perkhidmatan atau Pengurusan Utama yang ditubuhkan untuk membantu sekolah (Pengawas/ Ketua Asrama / Ketua PRS / Pengawas Pusat Sumber / Ketua BADAR / Pengerusi Badan-Badan Perkhidmatan Sekolah)	7
	Penolong Ketua Badan-badan Perkhidmatan atau Pengurusan Utama (Penolong Ketua Asrama / Penolong Ketua PRS / Penolong Ketua BADAR / Timbalan Pengerusi Badan-Badan Perkhidmatan Sekolah)	6
	Ahli Jawatankuasa Utama Badan-badan Perkhidmatan atau Pengurusan Utama (Bendahari / Setiausaha / Ketua Biro - Asrama / PSS / PRS / Penerima Sijil dan Lencana SLAD / PROSTAR / Pengawas Koperasi / Ketua Kelas / Ketua Tingkatan)	5
	Ahli-Ahli Jawatankuasa Perkhidmatan dan Sokongan (AJK Kecil Biro / Ketua Dorm / Penerima Sijil SLAD / AJK BADAR / Penolong Ketua Kelas)	3

3.3.2. Anugerah Khas

Pemberian pengiktirafan oleh Agensi Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan, Kesatuan/ Persatuan Sukan yang berkaitan aktiviti kokurikulum murid di dalam dan luar kawasan sekolah. Huraian markah seperti jadual berikut:

JADUAL 14:

ELEMEN	PERKARA	MARKAH
ANUGERAH KHAS	1. Anugerah Remaja Perdana (ARP) anjuran Kementerian Belia dan Sukan (KBS)	
	1.1. Emas	10
	1.2. Perak	7
	1.3. Gangsa	5
	2. Peserta Malaysia Future Leaders School (MFLS)	
	2.1. Tier 3	7
	2.2. Tier 2	4
	3. Anugerah Pasukan Badan Beruniform	
	a. Pengakap Raja/ Rambu Pengakap Kanak-Kanak	10
	b. Pandu Puteri Raja/ Anugerah Pandu Puteri Tunas Ketua Pesuruhjaya	10
	c. PPIM: Puteri Az-Zahra (SM)/ Puteri Bongsu (SR)	10
	d. SJAM: Grand Prior (SM)/ Perisai Perkhidmatan Khas 1000 Jam Emas (SR)	10
	4. Anugerah Khas Sukan dan Kokurikulum	
	4.1. Peringkat Kebangsaan	10
	4.2. Peringkat Negeri	8
	4.3. Peringkat Zon/ Daerah/ Bahagian	6
	4.4. Peringkat Sekolah	4
	5. Lain-lain Anugerah /Penghargaan Khas Yang Setara (agensi kerajaan / bukan kerajaan / swasta yang disampaikan dalam majlis)	
	5.1. Peringkat Kebangsaan	10
	5.2. Peringkat Negeri	7
	5.3. Peringkat Zon/ Daerah/ Bahagian	5

3.3.3. Khidmat Masyarakat

Khidmat masyarakat ialah kerja-kerja kemasyarakatan yang dilaksanakan secara berkumpulan dan mempunyai matlamat serta tujuan tertentu. Aktiviti boleh dilaksanakan berdasar senarai atau secara berulang. Tempoh masa pelaksanaan sekurang-kurangnya tiga (3) jam bagi satu aktiviti. Markah bagi setiap aktiviti yang dijalankan adalah seperti jadual.

JADUAL 15:

KHIDMAT MASYARAKAT	ELEMEN
	1. Aktiviti kejiranan/ komuniti
	2. Aktiviti alam sekitar
	3. Aktiviti bencana alam
	4. Aktiviti khidmat jabatan/ agensi
	5. Aktiviti kebudayaan/ kesenian/ integrasi
	6. Aktiviti kerohanian
	7. Aktiviti insaniah

**JADUAL 16:
MARKAH KHIDMAT MASYARAKAT**

BILANGAN AKTIVITI	MARKAH
1	2
2	4
2	6
4	8
≥ 5	10

3.3.4 NILAM

Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM) - satu program yang menggabungkan semua aktiviti galakan membaca yang diadakan di sekolah dengan memberi pengiktirafan. Pelaksanaan program ini meliputi penilaian pembacaan yang berterusan sepanjang tahun dan markah dikumpul secara kumulatif sehinggalah mereka tamat persekolahan. *Sila rujuk Surat Pekeliling Ikhtisas, Kementerian Pelajaran Malaysia, Bil: 13/1998 bertarikh 22 Mei 1998.* Huraian markah seperti berikut:

**JADUAL 17:
ANUGERAH NILAM – SEKOLAH MENENGAH**

SEKOLAH MENENGAH (PERALIHAN - TINGKATAN 5)	Pengiktirafan	Bilangan Bahan	
	1 Bintang	120	239
	2 Bintang	240	359
	3 Bintang	360	479
	4 Bintang	480	599
	5 Bintang	600	ke atas

**JADUAL 18:
EKSTRA KURIKULUM - MARKAH ELEMEN PROGRAM NILAM SEKOLAH
MENENGAH**

Pengiktirafan	5 Bintang	4 Bintang	3 Bintang	2 Bintang	1 Bintang
Markah	10	9	8	7	6

**JADUAL 19:
ANUGERAH NILAM – SEKOLAH RENDAH**

SEKOLAH RENDAH	Pengiktirafan	Bilangan Bahan	
	1 Bintang	144	287
	2 Bintang	288	431
	3 Bintang	432	575
	4 Bintang	576	719
	5 Bintang	720	ke atas

**JADUAL 20:
EKSTRA KURIKULUM - MARKAH ELEMEN PROGRAM NILAM SEKOLAH
RENDAH**

Pengiktirafan	5 Bintang	4 Bintang	3 Bintang	2 Bintang	1 Bintang
Markah	10	9	8	7	6

Catatan:

1. Bagi NILAM sekolah rendah, markah pengiktirafan bintang direkod mulai Tahun 4 hingga Tahun 6.

3.3.5 TIMMS dan PISA (Sekolah Menengah)

The Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS) adalah ujian bagi menguji tahap penguasaan murid sekolah menengah terhadap subjek Sains dan Matematik. Manakala ***Programme for International Student Assessment (PISA)*** pula menguji keupayaan dan penguasaan murid berkaitan subjek Sains, Matematik dan kemahiran membaca khusus kepada murid-murid berumur 15 tahun ke bawah. Penyertaan dan pencapaian murid ditaksir sebagai markah ekstra kurikulum pada tahun sijil dikeluarkan. Agihan markah adalah seperti berikut:

**JADUAL 21:
EKSTRA KURIKULUM - MARKAH ELEMEN TIMMS DAN PISA**

BIDANG	PERKARA	MARKAH
TIMMS DAN PISA	Penyertaan di peringkat antarabangsa yang mencapai tahap cemerlang	10
	Penyertaan di peringkat antarabangsa	8
	Penyertaan di peringkat kebangsaan	6

4 PENGIKTIRAFAN PROGRAM

Pengiktirafan program diberikan kepada semua bahagian yang menganjurkan aktiviti kokurikulum di bawah Sektor Operasi Pendidikan, KPM. Bagi memberi ruang dan peluang yang lebih luas kepada semua, KPM juga memberi pengiktirafan kepada aktiviti yang dianjurkan oleh pihak selain dari KPM.

Berikut merupakan syarat umum bagi memperoleh pengiktirafan program:

- i. Pengiktirafan program antarangsa atau kebangsaan perlu diperoleh daripada Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) KPM.
- ii. Pengiktirafan peringkat negeri atau daerah perlu diperoleh dan tertakluk kepada penilaian dari Unit Pembangunan Bakat Murid JPN/ PPD. Bagi PPD atau sekolah (termasuk sekolah kawalan Bahagian) yang ingin menganjurkan program, permohonan perlu di hantar melalui JPN masing- masing.
- iii. Sekiranya peratus penyertaan tidak mematuhi syarat yang ditetapkan, pengiktirafan akan diberi sama ada peringkat kebangsaan/ negeri/ daerah. Walau bagaimanapun, program di dalam takwim KPM/ JPN/ PPD adalah diberi keutamaan. Program anjuran sekolah dan pejabat pelajaran daerah perlu melalui jabatan pendidikan negeri masing-masing. Manakala program agensi luar mesti mendapat khidmat nasihat dari pegawai meja yang terlibat di peringkat KPM/ JPN/ PPD.

Penganjuran dan pelaksanaan program/aktiviti perlu mematuhi Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) atau Surat Siaran yang sedang berkuatkuasa.

4.1. RINGKASAN PENGIKTIRAFAN BAGI PROGRAM ADALAH SEPERTI BERIKUT:

4.1.1. Peringkat Antarabangsa (Bersemuka)

Bil.	Anjuran	Syarat							
1.	Bahagian KPM (Dalam Negara)	Diluluskan oleh MP/ KPPM/ TKPPM/ Pengarah Bahagian KPM							
2.	Agensi Kerajaan / Bukan Kerajaan (Dalam Negara)	<div>a) Sekurang-kurangnya 3 buah negara termasuk Malaysia.</div> <div>b) 25% jumlah penyertaan merupakan penyertaan luar negara. Contoh:</div> <table><tr><td>Negara</td><td>Peratus penyertaan</td></tr><tr><td>Malaysia (tuan rumah)</td><td>75%</td></tr><tr><td>Indonesia</td><td rowspan="2">25%</td></tr><tr><td>Singapura</td></tr></table>	Negara	Peratus penyertaan	Malaysia (tuan rumah)	75%	Indonesia	25%	Singapura
Negara	Peratus penyertaan								
Malaysia (tuan rumah)	75%								
Indonesia	25%								
Singapura									
3.	Jabatan Pendidikan Negeri/Pejabat Pelajaran Daerah/Sekolah (Dalam Negara)	<div>a) Sekurang-kurangnya 3 buah negara termasuk Malaysia.</div> <div>b) 25% jumlah penyertaan merupakan penyertaan luar negara. Contoh:</div> <table><tr><td>Negara</td><td>Peratus penyertaan</td></tr><tr><td>Malaysia (tuan rumah)</td><td>75%</td></tr><tr><td>Indonesia</td><td rowspan="2">25%</td></tr><tr><td>Singapura</td></tr></table> <div>c) Bagi PPD atau sekolah (termasuk sekolah kawalan Bahagian) yang ingin menganjurkan program, permohonan perlu di hantar melalui JPN masing-masing.</div>	Negara	Peratus penyertaan	Malaysia (tuan rumah)	75%	Indonesia	25%	Singapura
Negara	Peratus penyertaan								
Malaysia (tuan rumah)	75%								
Indonesia	25%								
Singapura									
4.	Bahagian-bahagian KPM/ Jabatan Pendidikan Negeri/ Pejabat Pendidikan Daerah/ Sekolah (Luar Negara)	Mendapat kelulusan ke luar negara							
5.	Agensi Kerajaan/ Bukan Kerajaan (Luar Negara)	Mendapat kelulusan ke luar negara							

4.1.2. Peringkat Kebangsaan (Bersemuka)

Bil.	Anjuran	Syarat							
1.	Bahagian KPM	Diluluskan oleh MP/ KPPM/ TKPPM/ Pengarah Bahagian KPM							
2.	Agensi Kerajaan / Bukan Kerajaan	<div>a) Sekurang-kurangnya 3 buah negeri termasuk negeri tuan rumah.</div> <div>b) 25% jumlah penyertaan merupakan penyertaan negeri lain. Contoh</div> <table><tr><td>Negeri</td><td>Peratus penyertaan</td></tr><tr><td>Selangor (tuan rumah)</td><td>75%</td></tr><tr><td>Kuala Lumpur</td><td rowspan="2">25%</td></tr><tr><td>W.P. Putrajaya</td></tr></table> <div>c) Diluluskan oleh MP/ KPPM/ TKPPM/ Pengarah Bahagian KPM</div>	Negeri	Peratus penyertaan	Selangor (tuan rumah)	75%	Kuala Lumpur	25%	W.P. Putrajaya
Negeri	Peratus penyertaan								
Selangor (tuan rumah)	75%								
Kuala Lumpur	25%								
W.P. Putrajaya									
3.	Jabatan Pendidikan Negeri / Pejabat Pendidikan Daerah / Sekolah	<div>a) Sekurang-kurangnya 3 buah negeri termasuk negeri tuan rumah.</div> <div>b) 25% jumlah penyertaan merupakan penyertaan negeri lain. Contoh:</div> <table><tr><td>Negeri</td><td>Peratus penyertaan</td></tr><tr><td>Selangor (tuan rumah)</td><td>75%</td></tr><tr><td>Kuala Lumpur</td><td rowspan="2">25%</td></tr><tr><td>W.P. Putrajaya</td></tr></table> <div>c) Bagi PPD atau sekolah (termasuk sekolah kawalan Bahagian) yang ingin menganjurkan program, permohonan perlu di hantar melalui JPN masing-masing.</div> <div>d) Diluluskan oleh MP/ KPPM/ TKPPM/ Pengarah Bahagian KPM</div>	Negeri	Peratus penyertaan	Selangor (tuan rumah)	75%	Kuala Lumpur	25%	W.P. Putrajaya
Negeri	Peratus penyertaan								
Selangor (tuan rumah)	75%								
Kuala Lumpur	25%								
W.P. Putrajaya									

4.1.3 Peringkat Negeri (Bersemuka)

Bil.	Anjuran	Syarat								
1.	Jabatan Pendidikan Negeri	Diluluskan oleh Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri								
2.	Agensi Kerajaan / Bukan Kerajaan	<div>a) Sekurang-kurangnya 4 buah daerah termasuk daerah tuan rumah kecuali negeri yang kurang dari 3 daerah atau negeri yang tiada daerah.</div> <div>b) 25% jumlah penyertaan merupakan penyertaan daerah lain. Contoh</div> <table><tr><th>Daerah</th><th>Peratus penyertaan</th></tr><tr><td>Muar (tuan rumah)</td><td>75%</td></tr><tr><td>Tangkak</td><td rowspan="3">25%</td></tr><tr><td>Kota Tinggi</td></tr><tr><td>Mersing</td></tr></table> <div>c) Diluluskan oleh Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri</div>	Daerah	Peratus penyertaan	Muar (tuan rumah)	75%	Tangkak	25%	Kota Tinggi	Mersing
Daerah	Peratus penyertaan									
Muar (tuan rumah)	75%									
Tangkak	25%									
Kota Tinggi										
Mersing										
3.	Jabatan Pendidikan Negeri / Pejabat Pendidikan Daerah / Sekolah	<div>a) Sekurang-kurangnya 4 buah daerah termasuk daerah tuan rumah kecuali negeri yang kurang dari 3 daerah atau negeri yang tiada daerah.</div> <div>b) 25% jumlah penyertaan merupakan penyertaan daerah lain. Contoh:</div> <table><tr><th>Daerah</th><th>Peratus penyertaan</th></tr><tr><td>Muar (tuan rumah)</td><td>75%</td></tr><tr><td>Tangkak</td><td rowspan="3">25%</td></tr><tr><td>Kota Tinggi</td></tr><tr><td>Mersing</td></tr></table> <div>c) Diluluskan oleh Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri</div>	Daerah	Peratus penyertaan	Muar (tuan rumah)	75%	Tangkak	25%	Kota Tinggi	Mersing
Daerah	Peratus penyertaan									
Muar (tuan rumah)	75%									
Tangkak	25%									
Kota Tinggi										
Mersing										

4.1.4 Peringkat Daerah (Bersemuka)

Bil.	Anjuran	Syarat									
1.	Pejabat Pendidikan Daerah	Diluluskan oleh Pegawai Pendidikan Daerah									
2.	Agensi Kerajaan / Bukan Kerajaan	<div>a) Sekurang-kurangnya 5 buah sekolah termasuk sekolah tuan rumah.</div> <div>b) 25% jumlah penyertaan merupakan penyertaan sekolah lain. Contoh</div> <table><tr><th>Sekolah</th><th>Peratus penyertaan</th></tr><tr><td>SMK A (tuan rumah)</td><td>75%</td></tr><tr><td>SMK B</td><td rowspan="4">25%</td></tr><tr><td>SMK C</td></tr><tr><td>SMK D</td></tr><tr><td>SMK E</td></tr></table> <div>c) Diluluskan oleh Pegawai Pendidikan Daerah</div>	Sekolah	Peratus penyertaan	SMK A (tuan rumah)	75%	SMK B	25%	SMK C	SMK D	SMK E
Sekolah	Peratus penyertaan										
SMK A (tuan rumah)	75%										
SMK B	25%										
SMK C											
SMK D											
SMK E											
3.	Sekolah	<div>a) Sekurang-kurangnya 5 buah sekolah termasuk daerah tuan rumah kecuali daerah yang kurang dari 3 daerah atau negeri yang tiada daerah.</div> <div>b) 25% jumlah penyertaan merupakan penyertaan daerah lain. Contoh:</div> <table><tr><th>Sekolah</th><th>Peratus penyertaan</th></tr><tr><td>SK A (tuan rumah)</td><td>75%</td></tr><tr><td>SK B</td><td rowspan="4">25%</td></tr><tr><td>SK C</td></tr><tr><td>SJKT D</td></tr><tr><td>SJKC E</td></tr></table> <div>c) Diluluskan oleh Pegawai Pendidikan Daerah</div>	Sekolah	Peratus penyertaan	SK A (tuan rumah)	75%	SK B	25%	SK C	SJKT D	SJKC E
Sekolah	Peratus penyertaan										
SK A (tuan rumah)	75%										
SK B	25%										
SK C											
SJKT D											
SJKC E											

4.2 RINGKASAN PENGIKTIRAFAN BAGI PROGRAM SECARA DALAM TALIAN ADALAH SEPERTI BERIKUT:

4.2.1 Peringkat Antarabangsa (Dalam Talian)

Bil.	Anjuran	Syarat									
1.	Bahagian KPM (Dalam Negara)	Diluluskan oleh MP/ KPPM/ TKPPM/ Pengarah Bahagian KPM									
2.	Agensi Kerajaan / Bukan Kerajaan (Dalam Negara)	<div><div>a) Sekurang-kurangnya 5 buah negara termasuk Malaysia.</div><div>b) 25% jumlah penyertaan merupakan penyertaan luar negara. Contoh</div><table><tr><th>Negara</th><th>Peratus penyertaan</th></tr><tr><td>Malaysia (tuan rumah)</td><td>75%</td></tr><tr><td>Indonesia</td><td rowspan="4">25%</td></tr><tr><td>Singapura</td></tr><tr><td>Brunei</td></tr><tr><td>Thailand</td></tr></table></div>	Negara	Peratus penyertaan	Malaysia (tuan rumah)	75%	Indonesia	25%	Singapura	Brunei	Thailand
Negara	Peratus penyertaan										
Malaysia (tuan rumah)	75%										
Indonesia	25%										
Singapura											
Brunei											
Thailand											
3.	Jabatan Pendidikan Negeri Pejabat Pendidikan Daerah/ Sekolah (Dalam Negara)	<div><div>a) Sekurang-kurangnya 5 buah negara termasuk Malaysia.</div><div>b) 25% jumlah penyertaan merupakan penyertaan luar negara. Contoh:</div><table><tr><th>Negara</th><th>Peratus penyertaan</th></tr><tr><td>Malaysia (tuan rumah)</td><td>75%</td></tr><tr><td>Indonesia</td><td rowspan="4">25%</td></tr><tr><td>Singapura</td></tr><tr><td>Brunei</td></tr><tr><td>Thailand</td></tr></table><div>c) Bagi PPD atau sekolah (termasuk sekolah kawalan Bahagian) yang ingin menganjurkan program, permohonan perlu di hantar melalui JPN masing-masing.</div></div>	Negara	Peratus penyertaan	Malaysia (tuan rumah)	75%	Indonesia	25%	Singapura	Brunei	Thailand
Negara	Peratus penyertaan										
Malaysia (tuan rumah)	75%										
Indonesia	25%										
Singapura											
Brunei											
Thailand											

4.2.2 Peringkat Kebangsaan (dalam talian)

Bil.	Anjuran	Syarat									
1.	Bahagian KPM	Diluluskan oleh MP/ KPPM/ TKPPM/ Pengarah Bahagian KPM									
2.	Agensi Kerajaan / Bukan Kerajaan	<div>a) Sekurang-kurangnya 5 buah negeri termasuk negeri tuan rumah.</div> <div>b) 25% jumlah penyertaan merupakan penyertaan negeri lain. Contoh</div> <table><tr><th>Negeri</th><th>Peratus penyertaan</th></tr><tr><td>Selangor (tuan rumah)</td><td>75%</td></tr><tr><td>Kuala Lumpur</td><td rowspan="4">25%</td></tr><tr><td>W.P. Putrajaya</td></tr><tr><td>Negeri Sembilan</td></tr><tr><td>Melaka</td></tr></table> <div>c) Diluluskan oleh MP/ KPPM/ TKPPM/ Pengarah Bahagian KPM</div>	Negeri	Peratus penyertaan	Selangor (tuan rumah)	75%	Kuala Lumpur	25%	W.P. Putrajaya	Negeri Sembilan	Melaka
Negeri	Peratus penyertaan										
Selangor (tuan rumah)	75%										
Kuala Lumpur	25%										
W.P. Putrajaya											
Negeri Sembilan											
Melaka											
3.	Jabatan Pendidikan Negeri / Pejabat Pendidikan Daerah / Sekolah	<div>a) Sekurang-kurangnya 5 buah negeri termasuk negeri tuan rumah.</div> <div>b) 25% jumlah penyertaan merupakan penyertaan negeri lain. Contoh:</div> <table><tr><th>Negeri</th><th>Peratus penyertaan</th></tr><tr><td>Selangor (tuan rumah)</td><td>75%</td></tr><tr><td>Kuala Lumpur</td><td rowspan="4">25%</td></tr><tr><td>W.P. Putrajaya</td></tr><tr><td>Negeri Sembilan</td></tr><tr><td>Melaka</td></tr></table> <div>c) Bagi PPD atau sekolah (termasuk sekolah kawalan Bahagian) yang ingin menganjurkan program, permohonan perlu di hantar melalui JPN masing-masing.</div> <div>d) Diluluskan oleh MP/ KPPM/ TKPPM/ Pengarah Bahagian KPM</div>	Negeri	Peratus penyertaan	Selangor (tuan rumah)	75%	Kuala Lumpur	25%	W.P. Putrajaya	Negeri Sembilan	Melaka
Negeri	Peratus penyertaan										
Selangor (tuan rumah)	75%										
Kuala Lumpur	25%										
W.P. Putrajaya											
Negeri Sembilan											
Melaka											

4.2.3 Peringkat Negeri (dalam talian)

Bil.	Anjuran	Syarat									
1.	Jabatan Pendidikan Negeri	Diluluskan oleh Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri									
2.	Agensi Kerajaan / Bukan Kerajaan	<div>a) Sekurang-kurangnya 5 buah daerah termasuk daerah tuan rumah kecuali negeri yang kurang dari 3 daerah atau negeri yang tiada daerah.</div> <div>b) 25% jumlah penyertaan merupakan penyertaan daerah lain. Contoh:</div> <table><tr><td>Daerah</td><td>Peratus penyertaan</td></tr><tr><td>Muar (tuan rumah)</td><td>75%</td></tr><tr><td>Tangkak</td><td rowspan="4">25%</td></tr><tr><td>Kota Tinggi</td></tr><tr><td>Mersing</td></tr><tr><td>Pontian</td></tr></table> <div>c) Diluluskan oleh Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri</div>	Daerah	Peratus penyertaan	Muar (tuan rumah)	75%	Tangkak	25%	Kota Tinggi	Mersing	Pontian
Daerah	Peratus penyertaan										
Muar (tuan rumah)	75%										
Tangkak	25%										
Kota Tinggi											
Mersing											
Pontian											
3.	Jabatan Pendidikan Negeri / Pejabat Pendidikan Daerah / Sekolah	<div>a) Sekurang-kurangnya 5 buah daerah termasuk negeri tuan rumah kecuali negeri yang kurang dari 3 daerah dan negeri yang tiada daerah.</div> <div>b) 25% jumlah penyertaan merupakan penyertaan daerah lain. Contoh:</div> <table><tr><td>Daerah</td><td>Peratus penyertaan</td></tr><tr><td>Muar (tuan rumah)</td><td>75%</td></tr><tr><td>Tangkak</td><td rowspan="4">25%</td></tr><tr><td>Kota Tinggi</td></tr><tr><td>Mersing</td></tr><tr><td>Pontian</td></tr></table> <div>c) Diluluskan oleh Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri</div>	Daerah	Peratus penyertaan	Muar (tuan rumah)	75%	Tangkak	25%	Kota Tinggi	Mersing	Pontian
Daerah	Peratus penyertaan										
Muar (tuan rumah)	75%										
Tangkak	25%										
Kota Tinggi											
Mersing											
Pontian											

4.2.4 Peringkat Daerah (dalam talian)

Bil.	Anjuran	Syarat										
1.	Pejabat Pendidikan Daerah	Diluluskan oleh Pegawai Pendidikan Daerah										
2.	Agensi Kerajaan / Bukan Kerajaan	<div>a) Sekurang-kurangnya 6 buah sekolah termasuk sekolah tuan rumah.</div> <div>b) 25% jumlah penyertaan merupakan penyertaan sekolah lain. Contoh</div> <table><tr><td>Sekolah</td><td>Peratus penyertaan</td></tr><tr><td>SMK A (tuan rumah)</td><td>75%</td></tr><tr><td>SMK B</td><td rowspan="5">25%</td></tr><tr><td>SMK C</td></tr><tr><td>SMK D</td></tr><tr><td>SMK E</td></tr><tr><td>SMK F</td></tr></table> <div>c) Diluluskan oleh Pegawai Pendidikan Daerah</div>	Sekolah	Peratus penyertaan	SMK A (tuan rumah)	75%	SMK B	25%	SMK C	SMK D	SMK E	SMK F
Sekolah	Peratus penyertaan											
SMK A (tuan rumah)	75%											
SMK B	25%											
SMK C												
SMK D												
SMK E												
SMK F												
3.	Sekolah	<div>a) Sekurang-kurangnya 6 buah sekolah termasuk negeri tuan rumah kecuali negeri yang kurang dari 3 daerah atau negeri yang tiada daerah.</div> <div>b) 25% jumlah penyertaan merupakan penyertaan daerah lain. Contoh:</div> <table><tr><td>Sekolah</td><td>Peratus penyertaan</td></tr><tr><td>SK A (tuan rumah)</td><td>75%</td></tr><tr><td>SK B</td><td rowspan="5">25%</td></tr><tr><td>SK C</td></tr><tr><td>SK D</td></tr><tr><td>SJKC E</td></tr><tr><td>SJKT F</td></tr></table> <div>c) Diluluskan oleh Pegawai Pendidikan Daerah</div>	Sekolah	Peratus penyertaan	SK A (tuan rumah)	75%	SK B	25%	SK C	SK D	SJKC E	SJKT F
Sekolah	Peratus penyertaan											
SK A (tuan rumah)	75%											
SK B	25%											
SK C												
SK D												
SJKC E												
SJKT F												

5 CARA PENGIRAAN, GPA, CGPA DAN 10% MARKAH KOKURIKULUM

Keputusan Pentaksiran akan dipersembahkan dalam bentuk Prestasi Tahun Semasa (GPA) dan Himpunan Prestasi Sepanjang Tempoh Persekolahan (CGPA). Contoh prestasi GPA dan CGPA murid dalam bidang Kokurikulum dalam tempoh persekolahan.

**JADUAL 22:
CONTOH CARA PENGIRAAN MARKAH KOKURIKULUM**

